

20/12/1999

Peletakan jawatan Waad bersihkan imej parti

M Noh Senan

KEPUTUSAN Datuk Waad Mansor meletakkan jawatan sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) kerajaan Negeri Sembilan yang sudah dijangka berikutan desakan hebat daripada beberapa pemimpin Umno peringkat bahagian dan negeri, sebenarnya satu tindakan untuk menyelamatkan imej serta maruah Umno, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan negeri. Hanya tujuh hari Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gemencheh itu sempat memanaskan kerusi exco. Rabu lalu saja beliau secara rasminya memulakan tugas sebagai pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan negeri.

Beliau tidak dapat mengelak daripada hakikat sebenar kerana apa yang dibangkitkan oleh kumpulan yang mendesak supaya beliau melepaskan jawatan itu mempunyai alasan kukuh, iaitu beliau masih menghadapi dua lagi tuduhan rasuah oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"Melihat perkembangan akhir-akhir ini, sebagai anggota parti yang bertanggungjawab, saya meletakkan jawatan exco. Sebelum ini, saya menerima jawatan itu kerana menganggap diri saya tidak bersalah," itulah antara yang dinyatakan Waad yang menjadi Adun Gemencheh sejak 1982, sidang akhbarinya, kelmarin.

Sejak awal lagi apabila namanya disenaraikan dalam pilihan raya umum lalu, ia menimbulkan kesangsian di kalangan pemimpin parti, khususnya Umno, tidak ketinggalan juga musuhnya. Selepas diisytiharkan menang mewakili kawasan Gemencheh dan dilantik pula sebagai exco, ada pihak menggoyah kendudukannya kerana apa yang ditonjolkan memang nyata, iaitu beliau belum bebas daripada tuduhan rasuah.

Orang pertama yang membantah pelantikan Waad itu memang tidak asing di Negeri Sembilan, iaitu Ketua Umno bahagian Seremban, Datuk Ishak Ismail yang juga Adun Lenggeng apabila beliau meninggalkan majlis angkat sumpah pegang jawatan ahli exco di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah Isnin lalu.

Seperti diduga, Ketua Umno Bahagian Kuala Pilah, Datuk Abu Zahar Ujang, yang tidak terpilih mengekalkan kerusinya di kawasan Parlimen Kuala Pilah dalam pilihan raya umum lalu, turut menyokong desakan Ishak supaya Waad meletak jawatan manakala Ketua Wanita Umno negeri, Datuk Napsiah Omar yang juga Ahli Parlimen Kuala Pilah tidak ketinggalan masuk gelanggang dengan menyatakan 'kurang cantik' jika Waad terus berpaut dengan jawatannya.

Pemerhati politik negeri berpendapat, perkara ini tidak akan berbangkit jika pucuk pimpinan tidak 'membuat kesilapan' dengan mengemukakan Waad sebagai calon dan sekali gus tidak pula dijadikan senjata terbaik untuk mencemarkan pucuk pimpinan, terutama Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, selaku ketua Badan Perhubungan Umno negeri.

Kata mereka, memang hak pucuk pimpinan memperakukan mana-mana calon yang dicadangkan bahagian, tetapi tanpa mengambil kira pandangan jawatankuasa bahagian, masalah yang menimpa. Berikutan itu, tidak hairanlah ada yang cepat menjadikannya isu menempelak pucuk pimpinan sendiri.

Ada pula pihak menyatakan perkara yang dibangkitkan itu berpunca daripada kekecewaan terhadap sesuatu perkara, termasuk tidak terpilih sebagai calon atau cadangan senarai calon ditolak begitu saja, tidak diberi jawatan exco atau kemungkinan tidak diberi jawatan dalam Kabinet.

Seperti kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya selepas mengadakan pertemuan dengan semua wakil rakyat BN kelmarin, perasaan kecewa memang ada pada ahli politik kerana pelbagai sebab yang antaranya tidak terpilih sebagai calon dan

sudah menang tidak diberi jawatan atau tidak sesuai pula.

Selain itu, menurutnya ada pemimpin yang dipilih sebagai calon, tetapi tewas dalam pilihan raya turut kecewa. Oleh itu orang politik memang sentiasa kecewa.

Apa pun, Umno negeri akan menghadapi ujian paling mencabar selepas pilihan raya umum lalu. Setiap wakil rakyat tidak boleh lagi khayal dengan kejayaan masing-masing sama ada di kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

(END)